



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP
PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN MENAIKTARAF
SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH
INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS)
DI NEGERI SABAH (FASA 1) TAHUN 2018**

SEKOLAH KEBANGSAAN MANDALIPAU, PAPAR

**YANG DILAKSANAKAN OLEH
JKR MALAYSIA DAN JKR NEGERI SABAH**

14 OKTOBER 2018 (AHAD)

TEKS UCAPAN YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT, Selamat Petang dan Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Bin Md Taha

Ketua Pengarah Kerja Raya

JKR Malaysia

YBhg. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

Kementerian Kerja Raya Malaysia

YBrs. Ar. Zairul Azidin bin Badri

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

JKR Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Haji Amrullah Bin Kamal

Ketua Pengarah

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah

YBrs. Ir. Muhammad Azman Bin Jamrus

Pengarah Kanan

Cawangan Kerja Bangunan Am 1

JKR Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ahmad Redza Bin Ghulam Rasool

Pengarah

Cawangan Kerja Pendidikan

JKR Malaysia

YBhg. Datuk Hajah Maimunah Binti Haji Suhaibul

Pengarah Pendidikan Sabah

YBrs. Ir. Richard Jomiji Kinsil

Pemangku

Pengarah Kerja Raya Negeri Sabah

YBrs. Ir. Ali Ahmad Bin Hamid

Timbalan Pengarah Kerja Raya Negeri Sabah

Sektor Perancangan dan Pelaksanaan

YBrs. Encik Mohd. Fareed Lim Bin Abdullah

Ketua Cawangan Pembangunan Sabah

Kementerian Pendidikan Malaysia

YBrs. Encik Julianus Thomas

Guru Besar SK Mandalipau

Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Ibu Pejabat JKR Malaysia, JKR Sabah, Jabatan Pendidikan Sabah, Agensi-Agensi Persekutuan dan Negeri

Kontraktor yang dilantik

Wakil-Wakil Media Massa

Seterusnya YBhg. Dato'-Dato'/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan Limpah Kurnia Dan Izin-Nya, kita semua diberi peluang pada petang ini berkumpul bersama-sama dalam Majlis Penyerahan Projek Siap bagi Pembinaan Semula dan Menaik Taraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah *Industrialised Building*

System (IBS) di Sekolah Kebangsaan Mandalipau di Papar, Sabah ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di atas kepercayaannya terhadap Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya dalam melaksanakan projek Sekolah Daif ini. Sesungguhnya program Sekolah Daif yang merupakan *touch point* kepada rakyat ini amat diberi penekanan dan perhatian oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan disamping menyediakan kemudahan dan keselesaan kepada guru-guru dan murid-murid sekolah khususnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Projek Pembinaan Semula dan Menaik Taraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah IBS telah mula dilaksanakan sejak tahun 2016. Projek ini melibatkan kerja menggantikan/ menaiktaraf bangunan daif/usang dengan menggunakan kaedah IBS yang boleh disiapkan dalam tempoh masa singkat. Tujuan projek adalah bagi mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan selamat dengan kadar segera.

Berdasarkan kepada projek yang banyak memberi manfaat kepada rakyat, maka Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan program tersebut. Selaras dengan itu, pihak Kerajaan semasa Pembentangan Bajet 2018 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM2.5 billion bagi tujuan membaik pulih Sekolah Daif bagi tempoh 2 tahun iaitu 2018 dan 2019 dengan pecahan RM500 juta bagi Sekolah Daif di Semenanjung Malaysia, RM1 billion di Sabah dan RM1 billion di Sarawak.

Bagi pelaksanaan Fasa 1 Tahun 2018 di Negeri Sabah, dua (2) agensi Kerajaan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Malaysia telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana dengan masing-masing telah diberi peruntukan oleh Kerajaan secara berasingan.

Bagi pembinaan Sekolah Daif di Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan sendiri, sebanyak 83 buah sekolah dengan kos projek bernilai RM266,300,000.00 telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan.

Bagi pembinaan Sekolah Daif di Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia pula, ianya melibatkan 37 buah sekolah dengan kos projek bernilai RM163,441,400.00 dan dipecahkan kepada 12 pakej dan 12 kontraktor. Skop projek keseluruhan mengandungi 277 Bilik Darjah, 37 Bilik Sains dan 42 Blok Tandas. **Pembinaan 12 pakej ini adalah diselia terus oleh JKR Negeri Sabah.**

Untuk makluman para hadirin sekalian, 37 buah sekolah yang terlibat dalam Fasa 1 Tahun 2018 di Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh JKR adalah terdiri daripada 5 buah sekolah di Parlimen Papar, 7 sekolah di Parlimen Kudat, 4 sekolah di Parlimen Ranau, 10 sekolah di Parlimen Semporna, 6 sekolah di Parlimen Silam, 4 sekolah di Parlimen Tenom dan sebuah sekolah di Parlimen Kinabatangan.

YBhg. Dato'-Dato'/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Seperti yang diketahui umum, kaedah pembinaan projek yang menggunakan teknologi IBS mampu disiapkan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding kaedah konvensional. Ini kerana komponen binaan IBS dihasilkan dalam persekitaran terkawal,

sama ada di tapak atau di luar tapak bina, lebih ringan, mudah dikendalikan dan cepat dipasang. Justeru itu, kaedah IBS telah digunakan sepenuhnya di dalam pembinaan sekolah daif ini.

Oleh yang demikian, tempoh penyiapan kesemua projek telah ditetapkan selama 4 bulan iaitu bermula dari 21 Februari 2018 dan siap pada 27 Jun 2018. Namun berdasarkan klausa-klausa kontrak, beberapa projek telah diberikan lanjutan masa.

Alhamdulillah, sehingga kini sejumlah 35 sekolah telah siap secara fizikal di Negeri Sabah, manakala baki 2 buah sekolah lagi akan disiapkan pada hujung bulan Oktober ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat khususnya Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kerja Raya Malaysia, JKR Sabah dan kontraktor terlibat yang telah berusaha gigih dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam menyegerakan pelaksanaan projek sekolah daif di Negeri Sabah ini.

Saya menyarankan supaya segala usaha dan tenaga terus digembleng dalam memastikan setiap projek dan program pembangunan Kerajaan dilaksanakan dengan pantas, berkesan dan benar-benar memberi impak positif kepada kesejahteraan hidup rakyat.

Semoga bangunan sekolah baru yang bakal diserahkan secara rasminya kepada Jabatan Pendidikan Negeri sebentar lagi, dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat Sabah terutamanya anak-anak di Daerah Mandalipau ini. Saya yakin pelajar sekolah akan dapat menimba ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan dalam suasana yang lebih selesa berbanding

dengan bangunan sebelum ini. Bangunan yang serba baru ini tentunya telah lama dinanti-nantikan oleh pihak sekolah.

Saya juga yakin pihak kontraktor akan dapat mengekal dan meneruskan tanggungjawabnya sepanjang tempoh tanggungan kecacatan sepertimana termaktub dalam kontrak untuk tempoh satu (1) tahun akan datang ini.

Dengan itu, saya akhiri ucapan saya ini sekali lagi dengan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah menjayakan pelaksanaan Projek Pembinaan Sekolah Daif SK Madalipau di Papar ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada **YBrs. Encik Julianus Thomas, Guru Besar SK Mandalipau** yang turut sama bersemangat dalam membantu penyiapan projek ini. Semoga pihak sekolah gembira dan berpuas hati dengan mutu pembinaannya.

Sekian Dan Salam Hormat

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakahtuh